

Oleh RABIATUL ADAWIYAH
KOH ABDULLAH

gayautusan@mediamulia.com.my


MASIH ramai tidak mengendahkan larangan merokok di tempat awam khususnya di premis makanan dan kedai kopi meskipun ia dikuatkuasakan sejak Januari 2019. Malangnya, masih ramai perokok tegar tanpa segan silu menyalakan api rokok dan menghembus asap rokok tanpa memikirkan perbuatan mereka itu boleh menimbulkan kemudaratan kepada orang sekeliling mereka.

Kanak-kanak dikategorikan sebagai perokok pasif. Ini kerana mereka menyedut asap rokok disebarkan perokok.

Pakar Perubatan Dalaman dan Perubatan Pernafasan Hospital Pakar KPJ Johor, Dr. Muhammad Redzwan S. Rashid Ali, berkata perokok pasif adalah mereka yang tidak merokok namun terdedah dek asap rokok.

Mereka menghidu asap rokok apabila terdapat perokok aktif menghembuskan asap secara terbuka.

“Perokok pasif dan perokok ketiga menanggung bahaya kerana mereka menyedut lebih banyak toksin dalam asap yang



KANAK-KANAK dikategorikan sebagai perokok pasif kerana menyedut asap rokok disebarkan perokok. - GAMBAR HIASAN

Bahana asap rokok

kepada kanak-kanak

**MUHAMMAD
REDZWAN S.
RASHID ALI**

“

...menutup hidung tidak mencukupi kerana biarpun kita mencuba untuk mengelakkan asap daripada memasuki udara pernafasan kita, asap rokok tersebut masih boleh melekat pada baju kita.”

mengelakkan asap daripada memasuki udara pernafasan kita, asap rokok tersebut masih boleh melekat pada baju kita. Misalnya, sekiranya anda berada di stesen bas, dan tiba-tiba seorang perokok sedang menghisap rokok di sebelah anda, teruslah beredar dari situ. Lebih elok



jika kita beredar pada saat ketika perokok belum lagi menyalakan rokok,” katanya.

Beliau turut meminta orang ramai untuk menjaga kebersihan tangan dan badan.

“Bersihkan diri sebaik sahaja tiba di rumah.

“Kita tidak pasti sekiranya kita ada tersentuh atau sudah berada di kawasan yang pernah dilalui perokok. Jadi, cara terbaik adalah membasuh tangan sejeurus pulang di rumah dan menyalin pakaian terlebih dahulu, sebelum

menyentuh anak-anak kita atau membuat kerja-kerja yang lain di rumah.

“Ini sedikit sebanyak mampu mengurangkan saki-baki asap dan bahan rokok yang telah melekat pada badan dan pakaian kita. Ia sekali gus dapat mengurangkan pendedahan

bahan rokok kepada ahli keluarga dan mengurangkan jumlah perokok ketiga setelah tiba di rumah,” jelasnya.

Perokok tegar bukan sahaja meletakkan anak-anak mereka kepada bahaya penyakit tertentu akibat merokok, tetapi kemungkinan kecacatan anggota serta menggugat pertumbuhan fizikal dan minda anak-anak mereka.

KESAN:

- Mata kanak-kanak yang terdedah kepada asap rokok secara kerap akan mudah berair dan lebih kerap berkedip.
- Kerosakan otak dan mental di mana pada jangka masa panjang membawa kepada tumor otak.
- Saluran pernafasan juga akan merosot dan berlaku gejala pernafasan kronik seperti batuk, kahak, asma/lelah, dan jangkitan paru-paru.
- Jangkitan di telinga.
- Peningkatan risiko penyakit jantung.
- Melecur atau terbakar dalam kebakaran yang berpunca daripada bara rokok.